

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH SOALAN : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan mekanisme yang digunakan pada ketika ini oleh Kementerian dalam menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia dan generasi muda.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara mekanisme yang sedang dilaksanakan oleh MED untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia dan generasi muda adalah seperti berikut:

- (i) memberi pendedahan keusahawanan dan koperasi kepada pelajar sekolah melalui **program NURI Teenpreneurship 2019 oleh Bank Rakyat dan Program Young Entrepreneur Strive For Success (YESS) oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**;
- (ii) mengadakan **kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) dan pemain industri melalui Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTEGE)** bagi melatih "*entrepreneurial thinking*" di kalangan pelajar IPT.

Sehingga kini, sebanyak 649 syarikat/pemain industri telah mengambil bahagian dalam program ini;

- (iii) mengadakan “***pitching session***” melalui program **University Start-Up Challenge 2019** oleh **MaGIC** bagi membentuk minda keusahawanan dan melahirkan usahawan *start-up* di kalangan pelajar IPT;
- (iv) mewujudkan **Program Pembangunan Usahawan Fertigasi (Fertigreneur)** bagi meningkatkan bilangan usahawan dalam usaha penanaman secara fertigasi;
- (v) merasionalisasi dan memperkukuhkan **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0** oleh **SME Corp.**; dan
- (vi) melatih dan memperkasa usahawan belia melalui **kursus-kursus keusahawanan jangka pendek yang berasaskan *outcome based***, program berbentuk ***mentoring/coaching*** serta program yang menawarkan “***hands-on experience***” bagi **usahawan belia yang ingin menceburi perniagaan berasaskan “*food truck*”** oleh INSKEN.

Sekian, terima kasih